

Surat khabar: Utusan Malaysia (Sabah & Sarawak)

Hari/Tarikh: 8/5/2013

Muka surat: 26

Tajuk : Dua Pelajar Cemerlang Unimas Terima Anugerah STA.

Dua pelajar cemerlang Unimas terima anugerah STA

KOTA SAMARAHAN 7 Mei - Usaha dan kerja keras yang dilakukan dua penuntut Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) berjaya mendapat penghargaan daripada Persatuan Kayu-Kayan Sarawak (STA).

Unimas dalam kenyataannya di sini menyatakan, Ho Soo Ying merupakan pelajar jurusan Pengurusan Sumber dan Sains Tumbuhan di Fakulti Sains dan Sumber Teknologi memperoleh keputusan cemerlang dan Anugerah Dekan sebanyak lima kali.


“Beliau yang berasal dari Melaka juga aktif dalam aktiviti sukan badminton apabila mewakili Unimas di Sukan Mahasiswa Borneo (Sukmab), dua tahun lalu dan memenangi piala gangsa dalam Kejoha-

nan Sukan Malaysia-Indonesia (Sukmalindo) 2010.

“Seorang lagi penuntut cemerlang yang menerima anugerah yang sama adalah Mugunthan Perumal. Beliau merupakan anak jati Sarawak berjaya mengkagumkan STA dengan projek tahun akhirnya,” demikian menurut kenyataan itu.

Kenyataan tersebut memberitahu, Mugunthan melaksanakan projek bertajuk *Proses Pembesaran Tumbuhan 'shorea macrophylla'* yang terdapat di Hutan Simpan Sampadi.

Katanya, kejayaan kedua-dua penuntut itu membuktikan universiti berkenaan mampu melahirkan pelajar yang cemerlang dan berpotensi untuk berkhidmat dalam industri.



HO Soo Ying (empat dari kanan) dan Mugunthan Perumal (lima dari kanan) sewaktu menerima penghargaan daripada Persatuan Kayu-Kayan Sarawak di Kota Samarahan, Sarawak, baru-baru ini.